



KERAJAAN MALAYSIA



LPKP

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN
KENDERAAN PERDAGANGAN
BIL. 12 TAHUN 2010**

**PEMBATALAN PEKELILING LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN
PERDAGANGAN BILANGAN 11 TAHUN 2005**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN
SEmenanjung Malaysia**

TARIKH: 1 NOVEMBER 2010

Semua Persatuan Teksi dan Kereta Sewa Semenanjung Malaysia.

Semua Pengusaha Teksi dan Kereta Sewa Semenanjung Malaysia.

PEMBATALAN PEKELILING LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN BILANGAN 11 TAHUN 2005

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pembatalan Pekeliling Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Bilangan 11 Tahun 2005.

LATAR BELAKANG

2. Seksyen 19(1) a (vii) Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334) memperuntukkan bahawa pemegang lesen itu atau orang-orang tertentu sahaja yang boleh memandu atau mengendalikan kenderaan tersebut. Bagi melaksanakan peruntukan tersebut, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah mewajibkan setiap pemandu teksi dan kereta sewa memiliki Kad Pemandu.

3. Mesyuarat Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Bil.1/2005 pada 6 Januari 2005 telah memutuskan bahawa pemandu hendaklah mencetak sendiri Kad Pemandu masing-masing dan pemberitahuan mengenai keputusan ini telah dimaklumkan kepada pemandu-pemandu teksi dan kereta sewa melalui Pekeliling LPKP Bil.11/2005 bertarikh 14 April 2005.


PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

4. Sepanjang pelaksanaan arahan Kad Pemandu perlu dicetak sendiri oleh pemandu Teksi dan Kereta Sewa tanpa dikenakan sebarang bayaran oleh LPKP ini berkuatkuasa, LPKP mendapati tiada sambutan daripada pihak pemandu Teksi dan Kereta Sewa, malah LPKP masih lagi memproses permohonan Kad Pemandu ini sebagai alternatif kepada pemandu bagi mengelakkan berlakunya kelewatan membaharui Kad Pemandu.
5. Sehubungan itu, LPKP telah bersetuju untuk **membatalkan penguatkuasaan Pekeliling LPKP Bil.11/2005 bertarikh 14 April 2005** dan semua proses mencetak Kad Pemandu dilaksanakan sepenuhnya oleh LPKP.
6. Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, semua permohonan Kad Pemandu perlu dikemukakan kepada Pejabat LPKP Wilayah di kawasan Teksi dan Kereta Sewa berkenaan beroperasi.

TARIKH KUATKUASA

7. Arahan pekeliling pembatalan Pekeliling Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Bilangan 11 Tahun 2005 **mula berkuatkuasa serta merta.**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**



(DATIN NAIMAH BINTI RAMLI)

Setiausaha
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan
Semenanjung Malaysia
Jabatan Perdana Menteri

1 NOVEMBER 2010

Edaran Dalaman:

Y.B. Datuk Pengurus LPKP

Pengarah (LPKP) Wilayah Tengah

Pengarah (LPKP) Wilayah Timur

Pengarah (LPKP) Wilayah Utara

Pengarah (LPKP) Wilayah Selatan

KPPK (D)

KPP (K)

KPP (L)

PPK (A)

PUU

PRO

**Sila tampal pekeliling ini
pada papan kenyataan
di pejabat LPKP Wilayah.**